

EkuiNAS bantu tingkatkan pendidikan Bumiputera

EKUITI Nasional Berhad (EkuiNAS) percaya bagi mencapai objektifnya untuk menggalakkan penglibatan Bumiputera di dalam sektor berdaya saing tinggi, pendidikan merupakan aspek penting dalam pembentukan keperibadian seseorang.

Oleh yang demikian, selain daripada menjadikan sektor pendidikan sebagai sektor tumpuan pelaburannya, EkuiNAS membantu meningkatkan pendidikan Bumiputera melalui program Tanggungjawab Sosial Korporatnya dengan menyumbang kepada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB).

Sumbangan kewangan ini digunakan untuk menghantar bakat-bakat berpotensi tinggi ke institusi-institusi pendidikan tempatan dan juga milik EkuiNAS seperti Asia Pacific University of Technology and Innovation (APU).

APU merupakan pelaburan keempat EkuiNAS dan suasana pembelajaran yang dipenuhi pelajar antarabangsa dari 105 buah negara menjadikan APU sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang berbeza dengan yang lain.

Setakat ini, lebih 60 peratus pelajar APU adalah pelajar antarabangsa terutama dari Yaman, Libya dan negara-negara Eropah seperti Kazakhstan serta Uzbekistan. Selebihnya merupakan pelajar tempatan dengan kurang daripada 10 peratus adalah Bumiputera.

Melihatkan perbezaan tersebut, APU cuba meningkatkan peratusan pelajar tempatan terutamanya Bumiputera. Salah satu

usahanya adalah bekerjasama dengan YPPB bagi memberi peluang kepada pelajar Bumiputera untuk mendapat akses kepada program pengajian tinggi yang bermutu.

Timbalan Naib Canselor APU, Mohamad Kamal Nawawi (**gambar**) berkata, persekitaran yang unik dan 'membina' ini bukan mudah diperolehi, jadi kesempatan itu perlu digunakan sebaik mungkin oleh pelajar tempatan.

Tambahan pula katanya, APU juga adalah sebuah universiti yang mempunyai tumpuan tersendiri iaitu mengkhususkan hanya kepada bidang yang berkaitan dengan teknologi. Sebab itu, APU mempunyai dua fakulti iaitu Fakulti Pengkomputeran, Kejuruteraan dan Teknologi serta Fakulti Perniagaan dan Pengurusan. Tidak ketinggalan program asasi untuk pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Jelasnya, buat permulaan, kumpulan pertama tajaan YPPB seramai 33 pelajar telah pun memulakan pembelajaran di APU sejak bulan Julai tahun lalu. Daripada jumlah itu, seramai 16 pelajar mengikuti program ijazah dan selebihnya program asasi.

"Rugi sekiranya pelajar-pelajar Bumiputera tidak mengambil peluang daripada persekitaran seperti ini kerana peluang itu membolehkan mereka (APU) belajar sesuatu daripada pelajar asing, mengetahui budaya orang lain dan lebih penting lagi memperbaiki kelemahan bahasa Inggeris masing-masing.

"Kami juga menekankan bahawa pembelajaran tidak semestinya berlaku hanya di dalam kelas atau bilik kuliah sebaliknya

persekitaran turut mampu membantu pelajar untuk cemerlang.

"Kami yakin mereka boleh berjaya cuma memerlukan dorongan, sokongan dan persekitaran yang lebih kondusif. Alhamdulillah, setakat ini kumpulan pertama hasil kerjasama dengan YPPB telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan," katanya ketika di temui di APU baru-baru ini.

YPPB yang ditubuhkan pada 24 November 2011, adalah salah satu inisiatif yang dilancarkan kerajaan di bawah Hala Tuju Ekonomi Bumiputera untuk mengukuhkan keupayaan dan kepakaran Bumiputera agar mampu berdaya saing secara kompetitif di peringkat global selain meningkatkan peratusan golongan itu dalam kerjaya berpendapatan tinggi.

Amat tepat juga kerjasama yang dijalin dengan IPTS seperti APU sejak penubuhannya telahpun menitikberatkan aspek-aspek kebolehpasaran para graduannya.

Untuk itu, pada tahun 2011 dan 2012, EkuiNAS telah menyumbangkan sejumlah RM1 juta kepada YPPB dan 50 peratus daripada sumbangan tersebut telah digunakan oleh YPPB untuk menghantar bakat-bakat berpotensi tinggi ke institusi pendidikan EkuiNAS seperti APU.

Mohamad Kamal berkata, untuk memastikan inisiatif ini berjaya, prestasi pelajar-pelajar sentiasa dipantau oleh YPPB dan APU sepanjang pengajian. Perjumpaan antara pihak APU dan YPPB akan diadakan pada setiap penghujung semester untuk membincangkan tentang keputusan pelajar serta tindakan yang perlu diambil oleh kedua-dua pihak untuk meningkatkan lagi prestasi pelajar yang lemah. Seterusnya YPPB akan

melaporkan prestasi programnya dengan APU kepada EkuiNAS sebagai penyumbang dana program tersebut.

Katanya lagi, kerjasama antara EkuiNAS, YPPB dan APU ini amat istimewa. Melalui tanggungjawab sosial korporat EkuiNAS, YPPB memberikan pembiayaan dan turut berusaha memastikan pelajar tajaan tidak gagal. EkuiNAS percaya sumbangannya kepada YPPB mendatangkan faedah kepada semua pihak terlibat.

"Selain sentiasa memantau prestasi pelajar, YPPB turut mengadakan program motivasi dan kursus kepimpinan dalam usaha untuk memupuk serta membimbing pelajar menjadi insan serba boleh di samping mempunyai keyakinan diri yang tinggi," ujar beliau.

Tambah Mohamad Kamal, pihak YPPB juga turut mengadakan kelas belajar bahasa Inggeris untuk pelajar-pelajar di bawah kelolaannya sebagai program tambahan untuk memastikan mereka tidak tercicir.

"Apa yang saya lihat, pelajar-pelajar tajaan YPPB yang memasuki APU ini sememangnya mempunyai semangat yang kuat dan mereka membuktikan dirinya mampu berjaya setelah diberikan peluang untuk menimba ilmu," katanya lagi.

Lebih membanggakan kata beliau, keputusan pelajar-pelajar itu cukup membanggakan dengan salah seorang daripada mereka memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.00.

Oleh itu katanya, APU amat berterima kasih kepada EkuiNAS kerana menyokong program YPPB dan memilih APU sebagai salah satu saluran untuk meningkatkan pendidikan Bumiputera dan berharap ia akan diteruskan di masa hadapan.



Apa kata pelajar

"Saya bagai diberi peluang kedua apabila mendapat tawaran daripada YPPB dan APU kerana tidak menduga akan diterima ekoran keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) saya tidak cemerlang.

"Berada di APU, mulanya memang agak terkejut apabila mendapati semua pelajar dari luar negara. Ketika itu, saya lebih banyak berdiam diri, berbual hanya dengan pelajar tempatan yang tidak sampai lima orang.

"Tetapi, lama-kelamaan saya seronok dengan kehidupan di APU kerana mempunyai ramai kenalan dengan budaya

"Bersyukur dan gembira apabila menerima bantuan YPPB kerana ia sememangnya dapat mengurangkan beban keluarga lebih-lebih lagi saya bukannya berasal daripada orang senang.

"Jika tidak disebabkan YPPB, mungkin saya juga tidak berada di APU. Tetapi, langkah yang saya ambil ini adalah satu keputusan yang tepat. APU dan YPPB telah membuka minda saya tentang perakaunan iaitu satu bidang yang mempunyai peluang pekerjaan yang luas di negara ini.

yang berbeza-beza. Malah, pergaulan itu telah banyak membantu memperbaiki bahasa Inggeris saya kerana itulah bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi di APU. Pensyarahnya juga cukup komited, mereka akan pastikan kami faham apa yang diajar walaupun terpaksa meluangkan lebih masa untuk menerangkan lebih jelas kepada kami.

Nor Sferina Ngatiman, 19, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Antarabangsa Asal: Bukit Kepong, Johor.

"APU telah membantu mengembangkan lagi pengetahuan saya dan paling penting memperbaiki kelemahan bahasa Inggeris saya. Kini, saya lebih yakin untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris.

Mohamad Helmi Ramli, 21, Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan (Tukaran Wang Asing dan Pelaburan) Asal: Felda Lui Selatan, Jempol.



DARI kiri Mohamad Helmi, Siti Nur Amalin, Muhammad Fadzli dan Nor Sferina mengadakan perbincangan berkumpulan untuk menyiapkan tugas.

"Memang mulanya keliru untuk memilih mana yang terbaik. Tetapi, setelah berbincang dengan keluarga dan menimbang-banyak perkara, akhirnya saya memilih Program Tunas Potensi YPPB dan mengambil Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan di APU.

"Kelebihan program ini, saya tidak hanya akan dapat menggenggam ijazah tetapi turut diterapkan dengan nilai-nilai tambah yang lain khususnya

bahasa Inggeris.

"Bukan itu sahaja, pelajar di APU sebenarnya akan dianugerahkan dengan dua ijazah iaitu dari APU dan rakan kerjasamanya Staffordshire University, United Kingdom yang kedua-duanya diiktiraf di dalam dan luar negara.

Siti Nur Amalin Suhaimy, 19, Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan (Tukaran Wang Asing dan Pelaburan) Asal: Machang, Kelantan.

"Saya tertarik dengan APU kerana persekitaran yang kebanyakannya pelajar antarabangsa yang mempunyai budaya berbeza-beza. Mungkin suasana ini tidak akan saya perolehi jika menyambung pengajian di universiti lain.

"Biar pun banyak cabaran yang perlu ditempuh apatah lagi perlu bertutur sepenuhnya dalam bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan pelajar lain, tetapi saya menerimanya demi masa depan dan ilmu yang ingin saya perolehi.

"Sehingga kini, saya masih lagi berusaha memperbaiki bahasa Inggeris saya. Pembelajaran seperti ini secara tidak langsung telah memberikan keyakinan dalam diri terutama untuk menempuh dunia pekerjaan kelak.

Muhammad Fadzli Duad, 21, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia Asal: Kangar, Perlis.